

DOKTOR. KECEMASAN



Dr. Mohamed Rafi Fezal dan
Dr. Ummul Wahdy Abdul Hakim
Pakar Obstetrik & Ginekologi
Hospital Umita

Endometriosis adalah

penyakit di mana tisu yang biasanya tumbuh di dalam rahim (endometrium) tumbuh di luar rahim. Selalunya terjadi di dalam ovari, tiub fallopio dan tisu di sekeliling rahim.

Bagaimanapun, ia jarang berlaku pada anggota tubuh badan yang lain. Gejala utama mengalami sakit bahagian bawah perut dan mempunyai masalah kesuburan.

Hampir separuh yang mengalami masalah ini mempunyai sakit pelvis yang kronik. Hampir 70 peratus kesakitan berlaku ketika waktu haid. Sakit ketika melakukan hubungan seks adalah perkara yang biasa bagi mereka yang menghidap

TISU TUMBUH LUAR RAHIM

Gejala semasa mengandung dan menopause.

Dalam banyak kes, gejala endometriosis kelihatan hilang dengan kehamilan. Hal ini dikatakan kerana hormon kehamilan menyebabkan aktiviti endometriosis dikurangkan.

Selepas bayi dilahirkan kesan endometriosis tidak begitu jelas. Dalam satu kajian ke atas 23 wanita, luka endometrium bertambah buruk dalam tempoh tiga bulan pertama kehamilan, tetapi bertambah baik sepanjang tempoh kehamilan.

Komplikasi endometriosis ketika mengandung jarang berlaku. Biasanya, endometriosis tidak hilang selepas menopause. Ia mungkin kembali dengan penggunaan terapi penggantian hormon (HRT), tetapi ini jarang berlaku.

Bilakah perlu mendapatkan rawatan?

Dapatkan bantuan apabila sakit menghalang aktiviti harian.

Sebagai contoh kegagalan datang bekerja, sekolahan atau aktiviti rekreasi, apabila ubat digunakan tidak membantu mengurangkan kesakitan, apabila anda perlu tidur kerana sakit dan apabila simptom semakin teruk dan mengganggu aktiviti harian.

Kesimpulannya, hampir semua masalah kesihatan berpunca daripada faktor genetik dan cara hidup setiap individu. Namun begitu, dengan kelengkapan peralatan teknologi dan peningkatan tahap kesedaran masyarakat mengenai penjagaan kesihatan diri, kita mampu merawat masalah ini dengan izin-Nya.



endometriosis, terutama jika kembar seiras. Faktor lain seperti pertama kali hamil pada usia yang agak lewat, pendarahan yang banyak ketika haid dan tempoh haid lebih lima hari, mengalami haid pada usia bawah 11 tahun, perubahan dalam sel-sel imun dan kurang berat badan.

Setakat ini, masih tidak jelas apa menyebabkan endometriosis. Faktor sejarah keluarga terdekat tujuh hingga 10 kali lebih berkemungkinan untuk mendapat endometriosis. Tambahan pula, ia perkara biasa dengan kembar yang kedua-duanya mungkin mendapat

masalah ini. Selain itu, masalah ketidaksuburan berlaku kepada lebih separuh daripada wanita yang terjejas. Namun begitu, ada kira-kira 25 peratus wanita tidak mempunyai apa-apa gejala langsung.

Apa penyebab endometriosis?